

CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH

CUKAI DIKENAKAN ATAS KEUNTUNGAN PELUPUSAN ASET YANG TERLETAK DI MALAYSIA

KADAR - BERGANTUNG KEPADA :

- Kategori Pelupus (Individu Warganegara / Pemastautin Tetap / Syarikat / dll)
- Tempoh Pegangan Aset

PIHAK TERLIBAT :

- Pelupus : Orang Yang Menjual / Melupuskan Aset
- Pemeroleh : Orang Yang Membeli / Memperoleh Aset

JENIS ASET DIKENAKAN CKHT :

- Harta Tanah (terletak di Malaysia) : Bangunan Kediaman, Bangunan Komersial & Tanah Kosong
- Syer : Syer Syarikat Harta Tanah, Syer Balasan Pindahan Harta Tanah

KAEDAH PELAPORAN :

- Manual : Lengkapkan Borang Yang Dicetak & Hantar ke HASIL
- e-Lodgement CKHT : <https://mytax.hasil.gov.my>

1. KEMASKINI MAKLUMAT PERCUKAIAN ANDA

Selain daripada melapor dan membayar cukai dalam tempoh yang telah ditetapkan, pembayar cukai digalakkan untuk sentiasa menyemak maklumat percukaian mereka serta membuat pengemaskinian sekiranya perlu.

Berikut adalah beberapa maklumat asas berkaitan dengan tindakan pengemaskinian :

- i) Bagi memastikan PCB yang diremitkan adalah tepat dan betul, sila isi **Borang PCB/TP1** dan hantar kepada majikan anda,
- ii) Jika anda adalah pekerja baharu dan mempunyai PCB sebelum ini, sila isi **Borang PCB/TP3** dan hantar kepada majikan baharu anda, dan
- iii) Jika ingin kemaskini maklumat peribadi, log masuk ke MyTax, <https://mytax.hasil.gov.my/> dan klik e-Kemaskini.

Pengemaskinian maklumat adalah penting bagi memastikan segala urusan percukaian anda menjadi lebih mudah dan berstatus terkini.

2. CUKUP SEKADAR PCB, TIDAK PERLU HANTAR BORANG CUKAI LAGI !

Anda dianggap telah melaksanakan tanggungjawab kepada negara walaupun memilih untuk tidak menghantar Borang Nyata kepada HASiL. Kaedah ini dipanggil sebagai **PCB Sebagai Cukai Muktamad** dan tertakluk di bawah Seksyen 77C, Akta Cukai Pendapatan 1967. Ia membolehkan majikan memotong PCB bersamaan dengan amaun cukai pekerja. Mudah bukan ?

Bagaimana untuk memilih kemudahan ini ?

Anda perlu pastikan :

- i) Mempunyai satu pendapatan iaitu penggajian **SAHAJA**,
- ii) Majikan telah memotong cukai bulanan termasuk manfaat berupa barangan dan nilai tempat kediaman
- iii) Bekerja dengan majikan yang sama dalam satu tahun taksiran
- iv) Cukai tidak ditanggung oleh majikan, dan
- v) Memilih taksiran berasingan bagi pasangan suami dan isteri.

Sekiranya anda tidak memenuhi kriteria di atas atau ingin menuntut potongan atau rebat tambahan, maka Borang Nyata hendaklah dikemukakan kepada HASiL.

3. PINDAH ATAU TUTUP FAIL CUKAI

Permohonan memindahkan fail cukai ke cawangan lain boleh dibuat sekiranya :

- i) Alamat surat menyurat baharu di bawah pentadbiran cawangan yang lain, atau
- ii) Permohonan pemindahan fail cukai diterima daripada pembayar cukai ke cawangan yang dikehendaki.

Permohonan penutupan fail cukai boleh dikemukakan jika anda memenuhi salah satu syarat berikut :

- i) Telah bersara daripada perkhidmatan dan tidak mempunyai pendapatan yang boleh dikenakan cukai,
- ii) Akan meninggalkan Malaysia buat selama-lamanya, atau
- iii) Tiada pendapatan yang boleh dikenakan cukai serta umur pembayar cukai telah melebihi 55 tahun.

Kedua-dua permohonan di atas perlu dibuat secara bertulis ke cawangan yang menguruskan fail cukai anda.

PERHATIAN : Pastikan anda tiada tunggakan cukai sebelum mengemukakan permohonan.

4. SEMINAR PERCUKAIAN KEBANGSAAN KEMBALI LAGI !

Atas permintaan ramai, Seminar Percukaian Kebangsaan (SPK) 2022 akan diadakan sebanyak dua (2) sesi iaitu pada 12 dan 13 Oktober 2022. Topik utama yang akan dikupas adalah “Cadangan Bajet 2023” dan “Tadbir Urus Korporat Cukai – Perspektif HASiL”.

SPK merupakan platform kepada pengamal percukaian dan pembayar cukai untuk mendapatkan pemahaman yang lebih jelas berkaitan dengan sebarang pindaan dalam semua akta yang ditadbir oleh HASiL lanjutan pembentangan Belanjawan 2023 oleh Menteri Kewangan pada bulan Oktober akan datang.

Sebarang maklumat lanjut berhubung penyertaan boleh didapati melalui Portal SPK, <https://spk.hasil.gov.my>.

WASPADA DENGAN SCAMMER :

APA PERLU DIBUAT JIKA TERIMA PANGGILAN **SCAMMER** ?

- JANGAN PANIK. SEGERA LETAK TELEFON.
- JANGAN DEDAHKAN SEBARANG MAKLUMAT PERIBADI.
- HUBUNGI HASIL UNTUK PENGESAHAN MAKLUMAT PERCUKAIAN ANDA.

BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA.